

Perbadanan Sungai Rambai perlu ditubuhkan

JASIN 3 Jan. - Sebuah perbadanan perlu ditubuhkan di Sungai Rambai di sini bagi membantu kelancaran segala urusan berkaitan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta memudahkan pentadbiran daerah kecil berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Sungai Rambai, Datuk Hasan Abd. Rahman berkata, penubuhan Perbadanan Sungai Rambai ini dilihat penting agar segala urusan berkaitan mampu dilaksanakan dengan berkesan selain menambah nilai struktur daerah kecil tersebut.

Menurutnya, dengan wujudnya perbadanan itu, ia akan memperkukuhkan urusan pentadbiran daerah kecil Sungai Rambai di mana kuasa autonomi yang diperolehi akan membantu kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri meningkatkan lagi pendapatan.

"Bagaimanapun, penubuhan perbadanan ini hanya boleh berlaku dengan sokongan kuat daripada Pegawai Daerah Jasin

dan kita rayu untuk terus menyokong cadangan mewujudkan Perbadanan Sungai Rambai kelak.

"Kita mahu daerah kecil ini dapat menguruskan segala perkara berkaitan PBT sendiri tanpa mengganggu peranan Majlis Perbandaran Jasin," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Seminar Hala Tuju Daerah Kecil Sungai Rambai di Dewan Pejabat Daerah Kecil Sungai Rambai, di sini hari ini. Yang turut hadir, Pegawai Daerah dan Tanah Jasin, Zamrud Yahya.

Hasan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri berkata, pihaknya juga sedang melaksanakan penstrukturan semula masyarakat di daerah kecil ini bagi membolehkan jurang besar pendapatan antara kaum dapat dirapatkan.

"Ini bagi mewujudkan keharmonian antara kita kerana apabila mereka mampu berdiri sama tinggi dan berkongsi kekayaan, saya percaya ia dapat membina

masyarakat harmoni berbilang kaum sekali gus dapat memajukan daerah kecil ini menjadi daerah penuh dan akhirnya menjadi sebuah Parlimen baharu satu hari nanti," tambahnya.

Katanya lagi, pelbagai transformasi sedang dan akan dirancang di Sungai Rambai dalam usaha meningkatkan lagi hasil daerah supaya boleh dimanfaatkan untuk pembangunan dari sudut agama, ekonomi, pendidikan, prasarana serta kebajikan dan masyarakat.

"Saya percaya sekiranya lebih banyak katalis pembangunan dapat diwujudkan di daerah kecil ini, ia bakal memberi sumbangan hasil kepada Sungai Rambai seterusnya mampu berdikari satu hari nanti," ujarnya.

Sementara itu beliau berkata, sehingga kini daerah kecil Sungai Rambai mempunyai kira-kira 21,000 penduduk dari 14 buah kampung dengan 11,000 daripadanya adalah pengundi.

"Kita sedang ke arah menubuhkan 14 buah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di 10 daripadanya telah berjaya ditubuhkan dan masih berbaki lagi empat kampung," tambahnya.



HASAN ABD. RAHMAN